



LEMBARAN PENERANGAN PRODUK

(Sila baca dan fahami Lembaran Maklumat Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon Cash Line-i. Sila dapatkan penjelasan daripada institusi sekiranya anda tidak memahami bahagian di dalam dokumen ini atau terma-terma am)

NAMA PRODUK: CASH LINE-i

TARIKH:

[Tarikh ini untuk diisi oleh Staf Jualan]

1. APAKAH PRODUKINI?

"Cash Line-i" adalah kemudahan pembiayaan berjangka kepada Pelanggan berkelayakan untuk, pembelian aset atau harta tanah dan kegunaan peribadi yang mana penggunaannya yang berlandaskan Shariah.

2. APAKAH KONSEP SHARIAH YANG DIGUNAKAN?

Kontrak Shariah yang digunakan ialah Murabahah (kos berserta keuntungan) melalui konsep Tawarruq (Komoditi Murabahah). Ia adalah kaedah jualan di mana kos perolehan dan harga penambahan adalah diketahui oleh anda di mana anda membayar harga dalam tempoh masa yang dipersetujui. Aset yang mendasari urusniaga jualan antara anda dan kami adalah komoditi khusus patuh Shariah yang boleh diniagakan.


- Mengikut pembiayaan secara Komoditi Murabahah, kami memperoleh/membeli komoditi patuh Shariah daripada pihak ketiga (Peniaga Komoditi 1) atas permintaan anda.
- Kami kemudian menjual komoditi kepada anda dengan Harga Jual Bank yang terdiri daripada harga komoditi campur margin/keuntungan kami. Anda membayar secara berjangka dalam tempoh masa yang dipersetujui.
- Anda kemudiannya melantik pihak kami sebagai wakil untuk menjual komoditi kepada pihak ketiga (Peniaga Komoditi 2) untuk meraih wang.
- Sebagai wakil anda, kami kemudiannya menjual komoditi kepada pihak ketiga (Peniaga Komoditi 2) pada harga yang bersamaan dengan jumlah pembiayaan.
- Hasil penjualan komoditi akan diremit kepada anda, penjual atau pihak berkepentingan mengikut terma dan syarat kemudahan.

Untuk transaksi Komoditi Murabahah di bawah kemudahan ini, pada setiap masa kami menjadi ejen bagi pihak anda, dalam melaksanakan transaksi Komoditi Murabahah yang berkaitan dengan kemudahan ini.

3. APAKAH KADAR ASAS STANDARD (KAS)?

KAS ialah kadar rujukan biasa untuk semua bank perdagangan berkuat kuasa 1 Ogos 2022 dalam penetapan harga pembiayaan runcit baharu yang ditambat pada kadar asas, pembiayaan semula pembiayaan runcit sedia ada dan pembaharuan pembiayaan runcit pusingan mulai 1 Ogos 2022. KAS disandarkan kepada Kadar Dasar Semalam (KDS) (iaitu KAS = KDS) dan semua Kadar Pembiayaan Asas (KPA) dan Kadar Asas Islam (KAI) sedia ada pula ditambat kepada KAS. Dengan kata lain, KAS, KAI dan KPA akan diselaraskan seiring dengan perubahan dalam KDS seperti yang ditentukan oleh Jawatankuasa Dasar Monetari (JDM) Bank Negara Malaysia.

4. SEJARAH PENANDA ARAS KADAR ASAS STANDARD (KAS) UNTUK 3 TAHUN.



Nota: Garis putus-putus menunjukkan sejarah KDS, iaitu kadar penanda aras KAS

5. APAKAH YANG DAPAT SAYA PEROLEHI DARI PRODUK INI?

No	Perkara	Penerangan
i.	Jumlah Kemudahan	Jumlah Kemudahan sepetimana yang diluluskan berdasarkan penilaian kredit.
ii.	Tempoh	Hingga 5 tahun. Kami seterusnya akan memperbaharui tempoh kemudahan apabila tempoh tamat.
iii.	Kadar Keuntungan Siling	Kadar Keuntungan Siling berdasarkan kepada Kadar semasa KAS + 7.65% atau 10% setahun, yang mana lebih tinggi. <i>KAS semasa adalah 3.00%</i>
iv.	Kadar Keuntungan Efektif	Kadar Keuntungan Efektif yang tertakluk kepada pakej yang ditawarkan oleh pihak kami.

6. APAKAH TANGGUNGJAWAB SAYA?

- a) Bayaran Keuntungan bulanan*.
 - Kami akan mendebitkan bayaran keuntungan bulanan berdasarkan pada jumlah pembiayaan yang digunakan pada setiap hujung bulan.
- b) Terdapat dua jenis bayaran prinsipal:
 - i) Dengan pengurangan had “Cash Line-i” (secara tahunan/ setengah tahun/ suku tahunan/ bulanan).
 - ii) Bayaran penuh sehingga keseluruhan jumlah pembayaran diselesaikan dalam tempoh kemudahan.
- c) Anda perlu memastikan akaun “Cash Line-i” memiliki amaun yang mencukupi untuk membayar pembiayaan bulanan dan mengelak akaun anda daripada dikenakan Caj Lewat Bayar.

* Contoh ilustrasi

Bayaran Keuntungan bulanan akan dikira secara harian berdasarkan Kadar Keuntungan Efektif Semasa, Baki Pembiayaan Prinsipal dan bilangan hari penggunaan dalam sebulan.

Kadar Keuntungan : 6.9% setahun
 Jumlah Kemudahan : RM1 juta
 Penggunaan Kemudahan / Hari : 1. RM300,000.00 / 10 hari
 2. RM400,000.00 / 12 hari

Keuntungan Bulanan	KAS Semasa = 6.9%	Jika KAS meningkat 1% ke 7.9%	Jika KAS meningkat 2% ke 8.9%
1. 10 Hari 2. 12 Hari	1. RM567.12 2. RM907.40	1. RM649.32 2. RM1,038.90	1. RM731.51 2. RM1,170.41
Jumlah bayaran untuk 1 bulan	RM1,474.52	RM1,688.22	RM1,901.92

Nota: Bayaran keuntungan bulanan mungkin berbeza tertakluk kepada perubahan KAS dan dengan mengikut baki semasa. Jika terdapat sebarang pertukaran yang mana akan mengakibatkan penambahan dalam bayaran bulanan atau pemanjangan dalam tempoh pembayaran, notis bertulis akan diberi kepada anda tidak kurang daripada dua puluh satu (21) hari sebelum tarikh pelaksanaan. Namun demikian, jumlah keseluruhan ansuran tidak akan melebihi harga jualan bank.

7. APAKAH YURAN DAN CAJ YANG PERLU SAYA BAYAR?

Duti Setem	Seperti di dalam Akta Duti Setem 1949 (Pindaan 1989). Nota: Semua yuran diatas adalah tertakluk kepada mana-mana cukai dikenakan pada kadar semasa yang ditetapkan (jika berkenaan). Jika terdapat perubahan yuran dan caj, notis akan diberi kepada anda tidak kurang dari dua puluh satu (21) hari sebelum tarikh pelaksanaan.
Lebihan dari Cash Line-i	Lebihan berlaku jika amaun yang anda gunakan melebihi Had Pengunaan maksimum Cash Line-i yang dibenarkan. Semua jumlah lebihan mesti dibayar dalam masa dua puluh empat (24) jam. Sekiranya anda gagal menyelesaikan jumlah lebihan dalam masa dua puluh empat (24) jam,Caj Lewat Bayar akan dikenakan ke atas jumlah lebihan dari hari akaun anda berlaku lebihan.
Yuran Pemprosesan untuk membeli hartanah	RM200
Sijil Amanah Saham Bumiputera sebagai cagaran	RM100

Yuran Pengeluaran	Yuran untuk pendaftaran dan carian bankrups
Yuran Urusniaga	Dikecualikan oleh pihak kami.
Lain-lain yuran dan caj	Segala jenis kos dan perbelanjaan seperti yuran guaman dan lain-lain caj yang terlibat dalam menyediakan dan menyempurnakan semua sekuriti dokumen kami.
Yuran komitmen	Tiada

Nota: Semua yuran diatas adalah tertakluk kepada mana-mana cukai dikenakan pada kadar semasa yang ditetapkan (jika berkenaan). Jika terdapat perubahan yuran dan caj, notis akan diberi kepada anda tidak kurang dari dua puluh satu (21) hari sebelum tarikh pelaksanaan.

8. BAGAIMANA SEKIRANYA SAYA GAGAL MEMENUHI TANGGUNGJAWAB SAYA?

Caj Lewat Bayar	<p>Kami akan menuntut pampasan atas bayaran lewat dan tertunggak, mengikut cara pengiraan berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> I. Bayaran Tertunggak Sekiranya anda gagal membayar sebarang amaun tertunggak dari tarikh kemudahan di keluarkan sehingga tarikh matang, Caj Lewat Bayar sebanyak 1% setahun akan dikenakan ke atas amaun yang tertunggak. II. Apabila Matang Kadar Pasaran Kewangan Antara Bank Secara Islam akan dikenakan di atas kegagalan membayar jumlah baki pembiayaan selepas tempoh matang atau sehingga penghakiman, yang mana terdahulu. Walaubagaimanapun, Caj Lewat Bayar yang dikenakan tidak akan dikompaun.
Tindakan undang-undang	<p>Tindakan undang-undang akan diambil sekiranya anda:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Gagal membuat bayaran ansuran. • Gagal untuk membalaas notis peringatan. <p>Tindakan undang-undang yang diambil ke atas anda boleh menyebabkan anda menghadapi kesukaran atau dikenakan caj yang mahal untuk memohon pembiayaan yang baru pada masa akan datang. Notis akan diberikan kepada anda terlebih dahulu sebelum sebarang tindakan undang-undang diambil terhadap anda.</p>
Kadar Kemungkiran	<p>Jika pembayaran tertunggak dan tidak dibayar selama tiga (3) bulan atau akaun anda melebihi had tiga (3) bulan di bawah Kemudahan ini, Bank berhak menaikkan kadar keuntungan margin kepada Kadar Asas Standard + 6.15% setahun ("Kadar Kemungkiran") untuk dikenakan pada jumlah yang tertunggak atau kadar keuntungan lain yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia dari semasa ke semasa.</p> <p>Notis bertulis akan diberi kepada anda tidak kurang dari dua puluh satu (21) hari kalender sebelum pertukaran Kadar Kemungkiran atau apa apa kadar lain. Kadar Kemungkiran akan terpakai sehingga anda mengurangkan jumlah tertunggak anda kurang dari tiga (3) bulan, di mana kadar keuntungan asal akan terpakai semula.</p> <p>Dengan syarat bahawa kenaikan itu tidak akan menyebabkan jumlah pembayaran keseluruhan melebihi Harga Jualan Bank.</p>
Tolak-selesai	<p>Kami akan menolak-selesai (dengan tujuh (7) hari kalender notis bertulis diberikan terlebih dahulu) mana-mana baki kredit dalam akaun anda yang dibuka dengan kami untuk membayar mana-mana jumlah tertunggak yang melibatkan kemudahan ini.</p>

9. BAGAIMANA SEKIRANYA SAYA MEMBUAT PENYELESAIAN SEPENUHNYA KE ATAS PEMBIAYAAN INI SEBELUM TARikh IA MATANG?

Kami akan memberi rebat (*Ibra'*) kepada anda dalam, tetapi tidak terhad kepada, situasi-situasi berikut:

- Anda membuat penyelesaian awal atau penebusan awal, termasuk bayaran terdahulu;
- Sekiranya ansuran bulanan berlaku awal sebelum berakhirnya tempoh tangguh keuntungan (bagi pembayaran secara berperingkat);
- Sekiranya kadar keuntungan efektif lebih rendah dari kadar keuntungan siling; dan
- Sekiranya jumlah sebenar pengeluaran adalah lebih rendah daripada Jumlah Kemudahan.

Rebat-rebat tersebut tidak boleh dianggap sebagai rebat tunai yang perlu dibayar kepada anda, tetapi sebagai penolakan dari elemen keuntungan pada Harga Jualan Bank bagi pembiayaan tersebut. Rebат tersebut hanya akan diberikan selepas kami menerima jumlah penyelesaian/penebusan berdasarkan formula berikut:

Baki Harga Jualan	Tolak	Baki Kemudahan	Tolak	Amaun Lain Yang Perlu Dibayar Kepada Bank

Anda boleh merujuk laman web kami di www.maybank2u.com.my untuk contoh ilustrasi mengenai pengiraan dan penyelesaian berdasarkan formula rebat (*Ibra'*).

Pergi ke [Home](#) > Announcements > Bank Negara Malaysia's Guideline on *Ibra'* (Rebate) for Sale-Based Financing.

10. ADAKAH SAYA MEMERLUKAN PERLINDUNGAN TAKAFUL / INSURANS?

Ya, anda perlu memastikan yang aset dan hartanah yang dicagarkan kepada pihak kami bagi kemudahan ini mempunyai perlindungan takaful/insurans secukupnya dan pihak kami dinyatakan sebagai pemegang cagaran bagi aset dan hartanah tersebut.

11. APAKAH RISIKO-RISIKO UTAMA?

Kami mempunyai hak untuk menjual cagaran sekiranya anda gagal untuk membayar baki pembiayaan yang belum dijelaskan.

Jika pembiayaan anda dibawah Kadar Pembiayaan Boleh Ubah, jumlah bayaran keuntungan bulanan boleh berubah atau meningkat berdasarkan perubahan pada kadar rujukan (contohnya perubahan pada KAS) (dengan notis diberikan terlebih dahulu kepada anda). Dalam keadaan di mana KAS terus meningkat, jumlah bayaran keuntungan bulanan boleh meningkat. Walau bagaimapun, jumlah bayaran keseluruhan anda tidak akan melebihi Harga Jualan Bank.

Jika anda mempunyai masalah untuk memenuhi kewajiban pembayaran anda, sila hubungi kami dengan segera untuk membincangkan alternatif pembayaran lain.

12. APAKAH YANG PERLU SAYA LAKUKAN JIKA TERDAPAT PERUBAHAN PADA MAKLUMAT UNTUK MENGHUBUNGI SAYA?

Anda perlu memaklumkan kepada kami mengenai sebarang pertukaran maklumat untuk menghubungi anda bagi memastikan anda menerima semua surat-menyurat/notis tepat pada masanya. Untuk mengemaskini maklumat perhubungan anda, sila hubungi mana-mana cawangan Maybank atau Maybank Islamic yang berdekatan dengan anda.

13. DI MANA SAYA BOLEH MENDAPATKAN BANTUAN DAN MAKLUMAT LANJUT?

- Jika anda mempunyai masalah untuk membuat bayaran ansuran bulanan, anda harus menghubungi kami secepat mungkin untuk membincangkan pilihan-pilihan yang ada. Kami boleh dihubungi di:
Maybank
Cawangan : _____
Alamat : _____
Tel/Fax : _____ Email : _____
- Sebagai pilihan, anda juga boleh mendapatkan nasihat daripada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang telah ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturran semula pembiayaan secara percuma kepada individu. Untuk membuat pertanyaan, sila hubungi :
Tingkat 8, Maju Junction Mall
1001, Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur
Tel: 1-800-22-2575
E-mail : enquiry@akpk.org.my
- Jika anda ingin membuat sebarang aduan mengenai produk atau perkhidmatan kami, anda boleh menghubungi kami di:
Maybank
Khidmat Pengurusan Maklumbalas Pelanggan
Tingkat 28, Menara Maybank
100 Jalan Tun Perak
50050 Kuala Lumpur
Talian Utama: 03-20748075
Email: cfm@maybank.com.my
- Jika pertanyaan dan aduan anda tidak dapat diselesaikan oleh pihak kami, anda juga mempunyai pilihan untuk menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:
Block D, Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur
Tel: 1-300-88-5465
Fax: 03-2174 1515
Email : bnmtelelink@bnm.gov.my

NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA GAGAL MEMATUHI BAYARAN PEMBIAYAAN ANDA SEPERTI YANG DITETAPKAN.

Maklumat yang disediakan di dalam helaian ini sah dari Mei 2023

Pengakuan Pelanggan

Saya mengakui telah membaca dan memahami kandungan Helaian Makluman Produk ini.

Pelanggan :

Tandatangan:

Nama:

No. KP: